

NO SOALAN :76**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 25.07.2017**

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan bagi mengurangkan senarai barangan yang dikenakan cukai dan menurunkan kadar cukai GST ke arah memansuhkan cukai itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar 6%, pada kadar 0% dan dikecualikan GST telah dibuat berdasarkan kajian yang terperinci dan menyeluruh dengan mengambilkira impak kepada rakyat berdasarkan corak perbelanjaan yang meliputi semua golongan

rakyat, aspek layanan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST, sumbangan hasil kepada negara dan pentadbiran GST yang efektif. Secara keseluruhannya, Kerajaan berpandangan layanan semasa berhubung pengenaan GST ke atas barang dan perkhidmatan wajar dikekalkan untuk terus dimantapkan dan ditingkatkan tahap pematuhan.

Selain itu, Kerajaan juga belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang sedia ada iaitu pada kadar 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini dimana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
- iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
- iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

penerima gaji dalam lingkungan gaji yang paling rendah, merangkumi pekerja dalam semua sektor ekonomi di seluruh negara. Penguatkuasaan yang lebih menyeluruh berkenaan dengan pematuhan undang-undang berkaitan gaji minimum yang sedang disemak semula juga akan dilaksanakan.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan turut proaktif dalam mengambil pelbagai langkah untuk merealisasikan sasaran untuk meningkatkan pampasan pekerja kepada 40% pada tahun 2020. Langkah ini adalah termasuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan memberi galakkan kepada industri untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan profil teknologi dalam operasi mereka yang memerlukan pekerja mahir. Kerajaan juga lebih selektif dalam menarik pelaburan dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) juga merupakan satu platform kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri untuk mengenalpasti keperluan modal insan dan jurang kemahiran kritikal agar isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh turut dapat ditangani dengan segera.

Di samping itu, pertambahan bilangan pengiktirafan melalui program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL) dan Akreditasi Pembelajaran

berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) juga akan turut menyumbang kepada peningkatan gaji pekerja mahir dan pengurangan jurang upah. Berkongsikan matlamat yang sama, pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula (upskilling and reskilling) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang mensasarkan penglibatan para pekerja juga dilihat mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang seterusnya dapat meningkatkan pendapatan para pekerja yang terlibat.

Pada ketika ini juga, usaha untuk mengurangkan bilangan pekerja asing adalah mencabar memandangkan beberapa sektor industri yang masih bergantung tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Sebagai contoh, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih belum bersedia untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dan melabur dalam automasi serta menaik taraf jentera dan teknologi. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing berkemahiran rendah kepada maksimum 15% daripada jumlah tenaga kerja dan meningkatkan bilangan pekerja mahir di negara ini bagi mencapai sasaran 35%. Inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dilaksanakan melalui:

SOALAN (77)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25 JULAI 2017
[SELASA]
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN ARIFIN
[ROMPIN]
SOALAN :

YB DATO' SRI HASAN ARIFIN [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Di antaranya ialah memperkukuhkan daya saing negara tetapi hasil daripada langkah ini, kita dapati tidak dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja tempatan dan menyebabkan gaji mereka tidak meningkat. Sebaliknya kenaikan gaji dalam sektor-sektor tertentu dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja asing. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berterusan dengan menyebabkan kerugian besar kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pampasan pekerja kepada KDNK daripada 33.6 % pada tahun 2013 kepada 40% pada tahun 2020, setanding dengan negara berpendapatan tinggi dan sederhana yang lain. Pampasan pekerja dijangka meningkat antara lain disebabkan oleh pematuhan terhadap gaji minimum dan semakan semula kenaikan gaji minimum setimpal dengan peningkatan produktiviti dan kos sara hidup.

Ke arah itu, bagi menangani masalah struktur gaji yang rendah pada ketika ini, Kerajaan menerusi Perintah Gaji Minimum 2016 yang diwartakan pada 1 Julai 2016 telah melaksanakan dasar gaji minimum bagi memastikan pekerja menerima gaji yang lebih baik. Kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia telah ditetapkan sebanyak RM1,000 sebulan atau RM4.81 sejam manakala bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM920 sebulan atau RM4.42 sejam, melibatkan semua sektor kecuali perkhidmatan domestik atau pembantu rumah. Perintah ini telah memberi manfaat kepada

- penambahbaikan dasar imigresen dan penggajian pekerja asing yang lebih komprehensif dengan mengambil kira keperluan industri dan ekonomi, pada masa yang sama memantau kebajikan pekerja asing;
- menggalakkan semua sektor ekonomi untuk beralih daripada aktiviti berintensifkan buruh kepada aktiviti berasaskan pengetahuan, terutamanya dalam sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan yang pada masa ini yang menggaji lebih daripada 30% pekerja asing;
- memperkemaskan proses penggajian dan pengambilan pekerja asing dengan meletakkannya di bawah satu pentadbiran tunggal untuk mengelakkan kemasukan pekerja asing melalui pelbagai saluran kelulusan; dan
- pemerkasaan pengurusan dan aktiviti penguatkuasaan dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin dengan lebih baik dan berkesan. Penalti yang berat dikenakan kepada majikan yang didapati bersalah menggaji pekerja asing tanpa izin.

Dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil tersebut, matlamat Kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara akan dapat direalisasi dan seterusnya memanfaatkan pekerja-pekerja tempatan kelak.

Sekian, terima kasih.

25 Julai 2017